

HEDONISME

MENGAPA TERUS HANTUI REMAJA?

Peningkatan gejala sosial terutama di kalangan remaja pada masa kini amat membimbangkan semua pihak terutama ibu bapa. Hal ini disebabkan penglibatan dalam gejala sosial turut sama membabitkan pelbagai masalah lain yang lebih besar seperti meningkatnya kes jenayah seperti rogol, pembuangan bayi, ragut dan sebagainya.

Begitu juga dengan pelbagai gejala lain yang berkaitan dengan remaja dan hubungan sosial seperti sumbang mahram, seks bebas, pengguguran secara haram, pergaulan bebas yang melampau, penderaan kanak-kanak yang juga berpunca daripada gejala sosial. Pengaruh budaya Barat dan gejala *hedonisme* juga menyebabkan hal ini berlaku.

Salah satu sebab punca ramai remaja terlibat dalam gejala sosial adalah disebabkan kurangnya maklumat yang tepat yang diterima oleh anak-anak berkaitan perkembangan tubuh remaja, bahaya-bahaya hubungan bebas dan punca seseorang mengalami kehamilan dan sebagainya.

Lebih memburukkan keadaan adalah sifat masyarakat kita yang agak tertutup menyebabkan tidak ramai yang berani bertanyakan hal-hal yang sensitif ini secara terus-terang. Kalangan remaja pula mengambil jalan mudah untuk mencari maklumat khususnya berkaitan dengan hal-hal rumah tangga dan soal perkahwinan.

PERKEMBANGAN HIDUP

Di samping itu, kalangan remaja pada masa kini pula kebanyakannya merujuk kepada kawan dan rakan sebaya dalam hal-hal berkaitan hubungan sosial untuk mendapatkan maklumat daripada sumber yang salah seperti internet yang banyak terdapat unsur pornografi

di dalamnya. Tidak dapat dinafikan kebanyakan remaja yang terlibat dalam gejala sosial menghadapi tekanan dalam hidup mereka.

Dalam kehidupan seharian remaja seharusnya menitikberatkan hubungan sosial yang betul dan memahami landasan serta kehendak adat, budaya dan agama. Hidup dilingkungi adat dan mengikut budaya serta melaksanakan amalan-amalan kebaikan mengikut agama.

Remaja juga perlukan sifat kepimpinan dan mengelakkan tekanan dalam kehidupan. Pada peringkat remaja, terdapat berbagai-bagai jenis kepimpinan. Di sekolah terdapat beberapa jenis kepimpinan seperti kepimpinan kemasyarakatan (kesosialan), fikiran dan sukan. Tiap-tiap satu jurusan kepimpinan mempunyai sifat-sifat tertentu yang berbeza-beza.

Sesuatu yang sangat penting adalah remaja perlu menjaga hubungan sosial mereka bermula di rumah dan diteruskan di sekolah dengan orang lain agar akan sentiasa diingati oleh seseorang sebagai seorang yang mudah mesra serta akrab dengan sesiapa sahaja.

Lantaran itu, ibu bapa harus memahami perkembangan remaja berkaitan masalah sosial, emosi, jasmani dan rohani. Kajian psikologi iaitu proses perkembangan mental dan pemikiran, ibu bapa juga harus memahami dan mengawal perkembangan tersebut. Anak-anak pula mestilah menjadikan ibu bapa sebagai tempat rujukan pertama.


WAKTU BALIGH ATAU PROSES

Jelaslah, waktu baligh atau proses keremajaan menimbulkan banyak perubahan dalam kehidupan psikologi

remaja atau pada tingkah laku secara umum. Anak-anak remaja perlu bersedia menghadapi segala perubahan yang akan berlaku pada tubuh badan dan juga proses kematangan mereka.

Dalam kehidupan seharian, ada juga kalangan remaja yang hanya mementingkan keseronokan semata-mata. Justeru, remaja tidak seharusnya terjebak dengan gejala *hedonisme* iaitu pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup. Sifat mementingkan keseronokan ini hanya diamalkan oleh kalangan penduduk di barat.

Bagi mengatasi ini, ibu bapa mesti memberi kefahaman tentang keburukan amalan *hedonisme* melalui motivasi iaitu melalui bimbingan dan keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri anak-anak untuk menjauhi budaya tersebut agar remaja mencapai kemajuan di dunia dan akhirat.



Peribahasa Melayu ada menyebut; "Susah dahulu senang kemudian. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna." Jelaslah tersirat makna yang mendalam tentang makna hidup yang harus kita lalui. Hidup bukan hanya untuk kesenangan tetapi juga bersedia menghadapi kesusahan.

Fenomena pada masa kini, anak-anak remaja belasan tahun iaitu 12 hingga 17 tahun sangat teruja dan asyik dengan pelbagai permainan berasaskan komputer. Permainan ini sebenarnya menjurus kepada keseronokan hidup, menjadikan malas berfikir di luar lingkungan permainan dan hanya mementingkan kesenangan hidup dalam alam khayalan sendiri.

SEIMBANG 4 ELEMEN UTAMA

Tanpa berusaha, hidup di dunia tidak akan senang. Oleh sebab itu, usaha sangat penting dalam mendalami

ilmu dan pelbagai kemahiran. Dalam menjalani hidup, remaja mesti berusaha membina ikatan persahabatan mengikut landasan agama. Perubahan dalam diri remaja juga harus dilakukan.

Remaja juga harus menangani kecelaruan sosial jika berlaku dalam diri. Keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek mestilah ada dalam menjalani kehidupan. Membina ikatan kekeluargaan dan menjaga hubungan, kekeluargaan juga penting dalam kehidupan bermasyarakat.

Kesejahteraan hidup manusia banyak bergantung pada emosi positif, kepuasan hidup dalam keluarga, ikatan kekeluargaan, tidak mementingkan kesenangan hidup secara sendirian dan saling membantu dalam masyarakat.

Pengaruh dan gejala *hedonisme* ini jika tidak disekat akan menjadikan kalangan belia atau remaja seronok hidup secara sendiri-sendiri, tidak kisah

hal orang lain yang susah dan hanya mementingkan kebendaan semata-mata dalam kehidupan.

Gejala sosial akibat konflik keluarga juga menyumbang kepada budaya *hedonisme*. Masalah sosial yang diertikan sebagai pelbagai kelakuan negatif yang tidak mendapat sokongan moral masyarakat secara keseluruhan serta berlaku di mana-mana negara sekalipun.

Anak-anak remaja juga boleh berkongsi masalah dengan mendapat pandangan ibu bapa. Peranan ibu bapa cuba mengisi kekurangan masalah ini kepada anak-anak dengan memberikan maklumat selengkapnya akan hal-hal pendidikan seksual meliputi pendidikan seksual dalam Islam, memahami perubahan tubuh selepas baligh, proses meniti keremajaan dan kedewasaan, bahaya hubungan bebas, konflik sosial dan penderaan terhadap kanak-kanak.

JAGA HUBUNGAN DENGAN TUHAN

Ingatlah bahawa, perbuatan-perbuatan baik melindungi serangan jahat. Justeru, berkaitan gejala sosial ini ialah apa yang membezakan hanyalah sama ada berlaku pada tahap kritikal atau sebaliknya. Segala-galanya berpunca daripada kekurangan nilai dan pengamalan agama, kecenderungan ke tempat-tempat yang lebih menyeronokkan berbanding tempat yang menyumbang ke arah percambahan ilmu.

Seperti kata John Locke, ilmu pengetahuan mempunyai dua keuntungan, pertama, kita mengetahui pokok masalah, kedua kita mengetahui di mana kita dapat menemui maklumat berkaitan hal itu.

Sesungguhnya membina ikatan perkahwinan yang kukuh dalam masyarakat juga dapat membantu menghindari gejala sosial dalam kalangan anak-anak.

Selain itu, menjaga hubungan kekeluargaan juga penting dalam kehidupan serta sentiasa mendekatkan hubungan dengan Allah bagi mendapatkan keberkatan dalam kehidupan. Justeru, gunakan agama, akal, hati dan jiwa bagi mengelakkan segala gejala negatif dan budaya *hedonisme*.